

NO SOALAN : 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) status terkini semakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308]; dan
- (b) elemen penambahbaikan dalam semakan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) sedang melaksanakan semakan ke atas Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].
2. *Special Project Team* (SPT) juga telah dilantik di kalangan pakar dan ahli yang mahir di dalam perkara berkaitan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Bengkel bersama SPT telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2024. Pindaan Akta 308 ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2025.
3. Daripada segi status terkini semakan Akta, Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 telah diadakan pada 23 hingga 25 Ogos 2024. Ianya melibatkan pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengendalian kes kanak-kanak berdasarkan kehendak semasa dan pemegang taruh selaras dengan keperluan semakan semula Akta berkaitan kanak-kanak di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
4. Selanjutnya, Bengkel *Focus Group Discussion* (FGD) Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta TASKA 1984 Bil. 2/2024 telah diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2024. Ianya melibatkan pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengendalian kes kanak-kanak berdasarkan kehendak semasa dan pemegang taruh.
5. Selain itu penglibatan pihak berkepentingan industri turut diadakan bagi memastikan input bagi semakan ini bersifat menyeluruh dan bukan hanya dari sudut pandang pihak penguatkuasa Akta. Mesyuarat Kerja Bersama Persatuan Berkaitan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) telah diadakan pada 13 September 2024. Ianya melibatkan pemain

industri berkaitan TASKA untuk mendapatkan input selaras dengan pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984 (Akta 308).

6. Satu tinjauan awam (*public survey*) juga telah dijalankan bagi memastikan penglibatan orang awam turut diambilkira bagi semakan ini. Tinjauan untuk pindaan Akta TASKA 1984 telah diadakan pada 4 Ogos 2024 bersama Pengusaha dan Pengasuh TASKA.

7. Selain itu, tinjauan turut dijalankan melalui platform digital/media sosial JKM iaitu di *Facebook* (FB) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Portal JKM dan FB JPKK telah diwar-warkan bermula pada 19 September 2024 sehingga 18 Oktober 2024. Dapatan Tinjauan Awam telah dianalisa dan turut diambilkira sebagai input dalam pindaan akta.

8. Berdasarkan dapatan sesi libat urus yang telah dijalankan, terdapat beberapa isu dan perkara yang telah diketengahkan (*highlight*). Pemadanan isu dan perkara yang dinyatakan telah dikenalpasti untuk diperhalusi bagi mengenalpati bahagian atau seksyen yang berkaitan di dalam peruntukan Akta sedia ada. Hasil penelitian ini akan diperhalusi dari segi kesesuaian bagi membolehkan pindaan dijalankan.

9. Diantara input yang diperolehi semasa sesi libat urus yang akan diteroka untuk diambilkira sebagai input bagi **penambahbaikan** terhadap semakan yang dijalankan adalah perkara berkaitan Kategori Baharu TASKA (TASKA OKU) dan Pengasuh Bergerak, Sistem Pendaftaran dan Rekod Elektronik, Pengurangan Birokrasi dan Pelantikan Pegawai dan Agensi Teknikal untuk Penguatkuasaan.

10. Sebarang cadangan penambahbaikan masih dibuka untuk penambahbaikan di dalam semakan Akta ini dan sebarang input, pandangan untuk penambahbaikan sangat dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK
BRODI [SRI AMAN]**

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk memastikan pelaksanaan Akta OKU 2008 lebih efektif terutamanya dalam konteks aksesibiliti fizikal contohnya di bandar-bandar besar yang masih menghadapi banyak kekurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat merancang untuk memastikan pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 agar lebih efektif dengan menambah baik pemurnian Akta tersebut secara keseluruhannya. Ini termasuklah penelitian terhadap aksesibiliti fizikal seperti contoh yang dinyatakan di bandar-bandar besar yang masih menghadapi banyak kekurangan.
2. Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) telah ditubuhkan selaras dengan peruntukan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008. Di bawah Majlis ini, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina ditubuh khusus untuk memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang '*universal design*' dalam setiap rekabentuk. Ini termasuklah untuk memastikan peralatan dan kemudahan boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah Orang Kurang Upaya (OKU), orang tua, kanak-kanak dan ibu mengandung.
3. Jawatankuasa ini turut melaksanakan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mengadakan program advokasi tentang aksesibiliti OKU kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Arkitek, Perancang, Jurutera dan JKR serta member kesedaran awal tentang konsep Reka Bentuk Sejagat kepada penuntut Jurusan Seni Bina. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Jawatankuasa ini adalah mewartakan piawaian sedia ada seperti Piawaian MS 1331 untuk dijadikan sebagai Undang-undang.
4. Tambahan lagi, Jawatankuasa ini turut melaksanakan audit akses terhadap premis-premis dan memberi penilaian terhadap tahap "mesra OKU", seterusnya mengemukakan syor dan nasihat untuk diambil penambahbaikan sekiranya perlu bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada OKU yang memerlukan perkhidmatan dan menggunakan premis mereka.

5. Selain itu, turut ditubuhkan di bawah MBOKU adalah Jawatankuasa Pengangkutan yang memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti dan kemudahan yang mesra OKU dalam sektor pengangkutan awam mrangkumi bas, keretapi, feri, kapal terbang serta stesen pengangkutan awam di negara ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengangkutan ialah mengeluarkan Garis Panduan Rekabentuk Bas, Pembelian Bas RapidKL dan Rapid Penang agar memiliki ciri-ciri *Universal Access*, perkhidmatan pengangkutan khas '*Rapid Mobiliti*', pengesyoran sehingga diberi pengecualian caj penggunaan kerusi roda oleh syarikat penerbangan. Jawatankuasa ini turut bertanggungjawab memberi input dan usul dalam usaha penampaikan dan penyediaan kemudahan di stesen-stesen KTM Komuter serta penaiktarafan stesen LRT. Semua tindakan ini telah banyak membantu untuk mencapai objektif yang dihasratkan melalui rekabentuk sejagat.

6. Kesemua jawatankuasa di bawah MKBOKU akan sentiasa meneruskan usaha untuk terus memastikan hak dan kepentingan OKU dipelihara dan diambil kira dalam apa jua dasar dan perancangan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- (a) apakah JKM bersedia meningkatkan kadar bantuan bulanan bagi pemohon yang layak dalam situasi kos sara hidup yang meningkat; dan
- (b) berapa jumlah pemohon bantuan yang diluluskan oleh JKM bagi tahun 2022 sehingga kini dan berapa jumlah pemohon yang ditolak permohonan mengikut tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk membantu kelangsungan hidup dan meringankan beban kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan ini bersifat sementara waktu sehingga mereka keluar daripada kemiskinan dan hidup berdikari.
2. Pada masa ini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2022 RM1,198 dan Perkapita RM322 yang dibentangkan dalam Belanjawan Tahun 2024 masih digunakan sebagai syarat asas kelayakan pemohonan bantuan JKM. Walaupun begitu, PGK bukanlah syarat kelayakan tunggal untuk mendapatkan bantuan kewangan kebajikan menerusi JKM. Beberapa aspek lain turut diambil kira dalam menentu dan membuat penilaian kelayakan seseorang itu berdasarkan siasatan kes yang dijalankan oleh pegawai JKM melalui pendekatan kerja sosial.
3. Bagi memastikan keperluan bantuan kepada penerima bantuan JKM, penilaian semula mengenai kadar-kadar bantuan yang disediakan dilaksanakan dari semasa ke semasa secara berterusan. Semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2025, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan serta syarat kelayakan pendapatan yang akan berkuatkuasa mulai Januari Tahun 2025. Sebanyak lima (5) skim bantuan terlibat iaitu Bantuan Kanak-Kanak (BKK) kepada RM250 seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000 sebulan bagi satu keluarga, Bantuan Warga Emas (BWE) kepada RM600 sebulan, Bantuan Am Persekutuan (BA) kepada RM500 sebulan; syarat kelayakan pendapatan isi rumah untuk Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dinaikkan masing-masing kepada RM5,000 dan RM1,700 sebulan.

4. Berdasarkan statistik JKM sehingga September 2024, terdapat seramai 544,151 penerima bantuan di seluruh negara dengan peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM1.95 billion. Mengambil kira kenaikan beberapa kadar bantuan bermula tahun 2025 seperti tersebut di atas, JKM telah diperuntukkan sebanyak RM2.98billion bagi tujuan ini pada tahun hadapan, iaitu kenaikan sebanyak 14.74 peratus berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2024.

5. Berdasarkan rekod JKM, bagi tempoh 2022 sehingga Ogos 2024, sebanyak 394,655 permohonan bantuan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 229,297 permohonan telah mendapat kelulusan bantuan JKM. Manakala 161,899 permohonan tidak melepassi syarat pertimbangan mendapatkan bantuan, dan selebihnya 3,459 permohonan masih dalam proses siasatan dan pertimbangan kelulusan bantuan JKM.

Sekian, terima kasih.